

## Tayar Pancit

Membaiki tayar pancit atau menanggalkan sebiji tayar memerlukan peralatan khas dan kepakaran teknikal. Kami mengesyorkan anda agar memastikan wakil penderang anda melakukan servis sebegini.

Selepas melakukan baik pulih kecemasan, pastikan tayar diperiksa/ditukar oleh wakil penderang anda.

## Pembaikan dan Penggantian Tiub

### AFST10MD

Jika tiub bocor atau rosak, anda harus menggantikannya dengan segera. Tiub yang dibaiki mungkin tidak sama seperti yang baru, dan ia mungkin akan bermasalah semasa anda menunggangnya.

Jika anda perlu membuat pembaikan sementara dengan menampal tiub atau menggunakan bahan kedap aerosol, tunggang dengan berhati-hati pada kelajuan rendah dan gantikan tiub sebelum anda menunggang sekali lagi.

Pada bila-bila masa tiub digantikan, tayar perlu diperiksa dengan berhati-hati seperti yang diterangkan.

## ⚠️ AMARAN

Menunggang kenderaan dengan tayar gantian sementara atau tiub gantian adalah berisiko tinggi. Jika tayar sementara itu gagal berfungsi anda mungkin mengalami kecederaan serius atau terbunuh dalam kemalangan.

Jika anda perlu menunggang dengan tayar gantian sementara atau tiub gantian, sila tunggang dengan perlahan dan berhati-hati serta tidak melebihi 50 km/j (30 bsj) sehingga tayar atau tiub tersebut diganti.